



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP KECERDASAN EMOSI KANAK-KANAK BERDASARKAN MODEL KECERDASAN EMOSI DAN PERKAITAN DENGAN GAYA KEIBUBAPAAN

MUHAMAD AFIQ BIN ABDUL FATAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi kanak-kanak berdasarkan model kecerdasan emosi dan perkaitan dengan gaya keibubapaan. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat tahap emosi kanak-kanak yang sebenar apabila berada di tadika sama ada kanak-kanak dapat mengenal pasti emosi, memahami emosi, mengawal emosi dan menggunakan emosi yang sebenar pada tahap pemikiran mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu berbentuk deskriptif. Seramai 50 orang kanak-kanak di Tadika A dan Tadika B di Mukim Kota Damansara Petaling Jaya Selangor telah di pilih dalam kajian ini. Kecerdasan emosi diukur dengan menggunakan *The Sullivan Emotional Intelligent Scale For Children (EISC)* dan jenis gaya keibubapaan diukur dengan menggunakan *Parental Authority Questionnaire (PAQ)*. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic package for Social Science (SPSS)* versi 20. Data dianalisis secara deskriptif yang menjelaskan jenis gaya keibubapaan dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak manakala analisis inferensi melibatkan ujian korelasi Pearson digunakan untuk menerangkan hubungan yang mungkin wujud antara pembolehubah. Dapatkan kajian ini menunjukkan jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa dan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak berada pada tahap tinggi. Analisis korelasi Pearson menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara gaya keibubapaan dan tahap kes kecerdasan emosi kanak-kanak daripada kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada guru-guru tadika, ibu bapa dan masyarakat tentang pentingnya kecerdasan emosi dalam diri kanak-kanak. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi kanak-kanak dapat memberikan gambaran sebenar mereka sama ada di sekolah mahupun di rumah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

THE LEVEL OF CHILDREN'S EMOTIONAL INTELLIGENCE BASED ON EMOTIONAL INTELLIGENCE MODEL AND ITS RELATIONSHIP WITH PARENTING STYLE

ABSTRACT

This research aims to identify the level of emotional intelligence of children based on the emotional intelligence model and its relationship with parenting style. Aside from that, this research is also conducted to observe the real level of children's emotional intelligence when they are at the kindergarten, whether they are capable of identifying, understanding, controlling and using real emotion at their level of thinking. This research uses quantitative method, which is descriptive form. 50 children from Kindergarten A and Kindergarten B in Kota Damansara Petaling Jaya Selangor have been chosen for this research. Emotional intelligence is measured by using The Sullivan Emotional Intelligence Scale for Children (EISC) and type of parenting style is measured by using the Parental Authority Questionnaire (PAQ). Data is analyzed using Statistic Package for Social Science (SPSS) version 20 software. Data is analyzed descriptively which explains the type of parenting style and the level of children's emotional intelligence while inferential analysis involving Pearson correlation test is used to explain the relationship that may exist between the variables. The result from the research shows that the parenting style that the parents practices and the level of children's emotional intelligence are at a high level. Pearson correlation analysis shows that there is no significant relationship between parenting style and the level of children's emotional intelligence from the research. Hopefully this will be a useful exposure for the kindergarten teachers, parents and society about the importance of emotional intelligence among children. In conclusion, this research shows that the level of children's emotional intelligence will provide a better view, either at school or home.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENGENALAN



1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Soalan Kajian	11
1.5 Hipotesis Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Kerangka Konseptual	15
1.8 Skop Kajian	16
1.9 Definisi Istilah	17
1.9.1 Gaya Keibubapaan	17
1.9.2 Kecerdasan Emosi	18
1.9.3 Kanak-kanak Tadika	20





1.10	Kesimpulan	21
------	------------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	22
2.1	Teori Perkembangan Kanak- kanak	23
2.1.1	Teori Perkembangan Erick Erikson	23
2.1.2	Teori Perkembangan Lain Jean Piaget	26
2.2	Teori Kecerdasan Emosi Kanak- kanak	31
2.2.1	Teori Kecerdasan Emosi Mayer dan Salovey	31
2.2.2	Teori Kecerdasan Emosi Lain Goleman	32
2.3	Teori Kecerdasan Emosi Kanak- kanak	35
2.4	Tinjauan Kajian- kajian Lepas	38
2.4.1	Kajian Mengenai Hubungan Gaya Keibubapaan Terhadap Kecerdasan Emosi Kanak-kanak	38
2.5	Kesimpulan	43



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	44
3.1	Reka Bentuk Kajian	44
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	46
3.3	Tepat Kajian	48
3.4	Instrumen Kajian	49
3.4.1	Bahagian A :Maklumat Diri	50
3.4.2	Bahagian B : Soal Selidik Kecerdasan Emosi	51
3.4.2.1	Reaksi Elemen Emosi Kanak-kanak	52
3.4.2.2	Sub Topik : UbahSuai Laras Bahasa Mengikut Kesesuaian Umur Kanak-kanak	52
3.4.3	Bahagian C : Soal Selidik Gaya Keibubapaan	55





3.4.3.1	Sub Topik : Ubahsuai Laras Bahasa Mengikut Kesesuaian Umur Kanak- kanak	57
3.5	Pemarkahan Skor	58
3.6	Prosedur Kajian	59
3.7	Kajian Rintis	60
3.7.1	Tujuan Kajian Rintis	61
3.7.2	Pentadbiran Kajian Rintis	61
3.8	Penganalisaan Data	62
3.9	Kesahan Instrumen	64
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen	64
3.11	Kesimpulan	65
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pendahuluan	66
4.1	Huraian Demografi	67
4.1.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	67
4.1.3	Taburan Responden Berdasarkan Jenis Pekerjaan Ibu bapa	68
4.2	Huraian Berdasarkan Kepada Persoalan dan Hipotesis Kajian	69
4.2.1	Persoalan kajian 1 : Apakah tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika	69
4.2.1.1	Kekerapan, Peratusan, Min dan sisihan Piawai Bagi Tahap Tahu Mengenal Pasti Emosi	69
4.2.1.2	Kekerapan, Peratusan, Min dan sisihan Piawai Bagi Tahap Tahu Memahami Emosi	73
4.2.1.3	Kekerapan, Peratusan, Min dan sisihan Piawai Bagi Tahap Tahu Mengawal Emosi	76
4.2.1.4	Kekerapan, Peratusan, Min dan sisihan Piawai Bagi Tahap Tahu Mengguna Emosi	79





4.2.1.5 Tahap Kecerdasan Emosi Paling Dominan	82
4.2.2 Persoalan kajian 2 : Apakah gaya keibubapaan kanak-kanak tadika	82
4.2.2.1 Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Gaya Keibubapaan Autoritatif	83
4.2.2.2 Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Gaya Keibubapaan Autoritarian	85
4.2.2.3 Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Gaya Keibubapaan Permisif	88
4.2.2.4 Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Gaya Keibubapaan Pengabaian	90
4.2.2.5 Gaya Keibubapaan Paling Dominan	93
4.2.3 Persoalan kajian 3 : Apakah hubungan di antara gaya keibubapaan dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika	93
4.2.3.1 Adakah terdapat antara gaya keibubapaan dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika	93

**BAB 5****PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN**

5.0 Pengenalan	98
5.1 Perbincangan dan Hasil Kajian	99
5.1.1 Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Tahap Kecerdasan Emosi (Tahap Tahu Mengenal Pasti emosi, Tahap Tahu Memahami Emosi, Tahap Tahu Mengawal Emosi dan Tahap Tahu Mengguna Emosi) Yang Paling Dominan Bagi Kanak-kanak Tadika Di Damansara Selangor	100
5.1.2 Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Gaya Keibubapaan (Autoritatif, Autoritarian, Permisif Dan Pengabaian) Yang Paling Dominan Terhadap Kanak-Kanak Tadika Di Damansara Selangor.	102





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

5.1.3	Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Terhadap Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika.	103
5.2	Rumusan	106
5.3	Cadangan	108
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	109
5.5	Implikasi Kajian	111
5.6	Kesimpulan	113
	RUJUKAN	114
	LAMPIRAN	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Perkembangan Emosi Kanak- kanak Erick Erikson	24
2.2 Tahap- tahap perkembangan kognisi mengikut Jean Piaget	27
2.3 Empat Cabang Model Kecerdasan Emosi	32
3.1 Skala Saiz persampelan dan Populasi Krejcie dan Morgan	48
3.2 Senarai tadika yang dipilih di mukim Damansara	49
3.3 Umur Kanak-kanak	50
3.4 Jantina Kanak-kanak	50
3.5 Jenis Pekerjaan Bapa	50
3.7 Ubahsuai Laras Bahasa Mengikut Kesesuaian Umur Kanak-kanak	52
3.8 Jumlah Item negatif dan Positif mengikut Soalan Kecerdasan Emosi	54
3.9 Penskoran Bagi Mengukur Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-kanak	55
3.10 Jumlah Item negatif dan Positif mengikut Soalan Gaya Keibubapaan	56
3.11 Penskoran Tiga Mata Bagi Mengukur Gaya Keibubapaan	57





3.12	Ubahsuai Laras Bahasa Mengikut Kesesuaian Umur Kanak-kanak	57
3.13	Permarkahan Skor dan Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-kanak dan Gaya Keibubapaan	58
3.14	Ringkasan Analisis Mengikut Persoalan Kajian	63
3.15	Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Kajian	65
4.1	Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Jantina	68
4.2	Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Jenis Pekerjaan Ibu bapa	68
4.3	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Tahap Tahu Mengenal Pasti Emosi (n = 50)	71
4.4	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Penguasaan Emosi (n=50)	72
4.5	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Tahap Tahu Memahami Emosi (n=50)	75
4.6	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Tahap Tahu Memahami Emosi (n=50)	76
4.7	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Tahap Tahu Mengawal Emosi (n=50)	78
4.8	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Tahap Tahu Memahami Emosi (n=50)	79
4.9	Taburan kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Tahap Tahu Mengguna Emosi (n=50)	81
4.10	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Tahap Tahu Memahami Emosi (n=50)	81
4.11	Min Keseluruhan Bagi Tahap Kecerdasan Emosi (n=50)	82
4.12	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Gaya Keibubapaan Autoritarian (n=50)	84





4.13	Taburan Bilangan Peratusan Responden Mengikut Tahap Gaya Keibubapaan Aotoritatif (n=50)	85
4.14	Taburan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Gaya Keibubapaan Autoritarian (n=50)	87
4.15	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Gaya Keibubapaan Autoritarian (n=50)	88
4.16	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Gaya Keibubapaan Permisif (n=50)	89
4.17	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Gaya Keibubapaan Pemisif (n=50)	90
4.18	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Gaya Keibubapaan Pengabaian (n=50)	92
4.19	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Gaya Keibubapaan Pengabaian (n=50)	92
4.20	Min Keseluruhan Bagi Gaya Keibubapaan Pengabaian (n=50)	93
4.21	Analisis Hubungan Korelasi antara gaya keibubapaan autoritatif dengan kecerdasan emosi kanak-kanak	94
4.22	Analisis Hubungan Korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan kecerdasan emosi kanak-kanak	95
4.23	Analisis Hubungan Korelasi antara gaya keibubapaan permisif dengan kecerdasan emosi kanak-kanak	96
4.24	Analisis Hubungan Korelasi antara gaya keibubapaan pengabaian dengan kecerdasan emosi kanak-kanak	97





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

No.Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual	16
2.4 Kerangka Teori	38
3.6 Gambarajah Emosi Kanak-kanak	52



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI SINGKATAN

EISC	Sullivan Emotional Intelligent Scale Foer Children
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KE	Kecerdasan Emosi
PAQ	Parental Authority Questionnaire
SPSS	Statistic Package For The Social Science



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.0 Pengenalan

Secara amnya, perkataan emosi sebenarnya berasal daripada bahasa Perancis iaitu ‘emotion’ dan ‘emouvoir’ yang bermaksud ‘kegembiraan’ iaitu dari bahasa Latin ‘emovere’. Selain itu, menurut Kamus Dewan edisi ketiga iaitu emosi ditakrifkan suatu perasaan atau jiwa yang kuat, di mana kecerdasan merupakan kesempurnaan akal untuk seseorang berfikir, memahami, mengerti dan seumpamanya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Menurut Goleman (1999) dalam model kecerdasan emosi, ia merupakan kebolehan seseorang menyedari, mengenalpasti, dan mengurus emosinya sendiri serta mampu menjalinkan hubungan mesra dengan orang lain. Hal seperti ini selari dengan pandangan Mayer, Caruso, dan Salovey (1999) iaitu kecerdasan emosi menurut beliau ialah kemampuan individu untuk mengenalpasti makna-makna emosi dan selepas mereka mengenalpasti emosi mereka, mereka boleh menaakul dan boleh menyelesaikan masalah.

Seterusnya pula dalam konteks kanak-kanak, kecerdasan adalah satu perkara yang penting untuk individu mencapai sesuatu benda. Dengan memiliki kemampuan untuk mengawal emosi iaitu apabila seorang kanak-kanak yang gagal dalam pelajaran, malah dia akan mampu mengawal keadaaan dirinya secara positif dengan memotivasi dirinya sendiri serta menganalisis kelemahan dirinya sendiri. Manakala bagi kanak-kanak yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi, dia mampu untuk berfikir sesuatu perkara apabila dia menghadapi perkara tersebut.

Malahan itu juga, kecerdasan emosi sering diperkatakan dalam kajian-kajian lepas termasuklah dalam bidang asas dan aplikasi. Manakala Zeidner, Roberts dan Matthews (2009) kecerdasan emosi bagi seseorang individu amat penting untuk digunakan bagi mengenali, memahami mengawal dan menggunakan emosi untuk melihat tahap emosi mereka yang sebenar. Dengan itu individu akan dapat membezakan emosi mereka sama ada melalui perasaan ataupun tingkah laku.





Perkembangan emosi yang positif berkait rapat dengan gaya keibubapaan yang diamalkan untuk mendidik kanak-kanak untuk menjadi insan yang baik terutamanya dalam sesebuah keluarga (Jerwan dan Fathi, 2012). Tetapi di Malaysia kini, kebanyakan ibu bapa tidak menyedari bahawa sesetengah amalan yang diamalkan oleh mereka memberi impak yang sama iaitu positif ataupun negatif terhadap corak kehidupan anak-anak mereka (Alegre, 2011). Selain itu, dalam sesebuah keluarga iaitu ibu bapa berperanan kepada anak-anak mereka dalam menguruskan emosi anak-anak mereka (Nor Azira Zakaria, 2008). Kesimpulannya jenis gaya keibubapaan dalam kajian memberi kesan terhadap tahap kecerdasan emosi kanak-kanak.



Dalam konteks kanak-kanak, kecerdasan emosi penting untuk dikuasai dan miliki kerana ia merupakan satu perkara yang penting untuk menghindari perasaan marah (Joseph, Dana, Newman dan Daniel, 2010). Kanak-kanak berkebolehan untuk menunjukkan emosi yang telah sedia ada pada peringkat bayi yang baru dilahirkan lagi. Hal ini kerana bagi peringkat bayi yang baru lahir, emosi bayi ini belum dapat berbuat apa-apa dalam hidup mereka. Contohnya, peringkat bayi ini, mereka belum dapat memberi tindak balas ataupun meminta makanan ataupun minuman, akan tetapi dengan tangisan mereka ini, kita dapat mengetahui apa yang bayi itu kehendaki. Seterusnya apabila meningkat peringkat kanak-kanak, mereka ini menunjukkan sikap yang lebih intensif dan proaktif dan lebih tahu apa yang dikehendaki mereka itu. Pada peringkat kanak-kanak ini, emosi





mereka akan mula berubah, dimana mereka boleh menerima emosi-emosi yang ada dalam diri mereka seperti mereka boleh mengenal, memahami, mengawal dan menggunakan tahap emosi dengan betul.

Mengikut kajian Zuria dalam Nuraini Nawwar, (2009) hubungan kekeluargaan seperti gaya keibubapaan mempunyai hubungan terhadap tahap perkembangan emosi dan tahap pendidikannya. Ini kerana, faktor ibu bapa dalam sesebuah keluarga menjadi tunjang utama kerana ibu bapa merupakan ‘*role model*’ atau rujukan kepada anak-anak yang perlu dicontohi dan tempat untuk berbincang apa-apa jua masalah dengan anak-anak mereka. Oleh itu, gaya hidup ibu bapa dalam sesebuah keluarga selalunya menjadi topik utama dalam perbincangan yang berkaitan dengan berfungsinya sesebuah gaya keibubapaan sebagai satu entiti kepada masyarakat. Justeru itu, hubungan kekeluargaan akan menjadi akrab atau terjalin sekiranya setiap golongan ibu bapa yang bersikap kebertanggungjawaban dan sayang terhadap anak-anak mereka dan di situ tahap emosi anak-anak mereka akan bergerak dan terbuka kerana terjalannya sebuah kekeluargaan antara ibu bapa dan anak (Chan,T.W. dan Koo, 2010). Tambahan itu, menurut Alegre (2012) apabila gaya keibubapaan memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak, maka secara tidak langsung ini akan memberi kesan kepada kecerdasan emosi mereka.

Menurut kajian Alegre (2012) lagi, kecerdasan emosi penting untuk semua kanak-kanak bagi memastikan tahap emosi mereka itu berada dalam keadaan baik dan dapat digunakan dengan ibu bapa, rakan-rakan, guru-guru ataupun masyarakat setempat. Menurut beliau lagi, emosi ini membolehkan kanak-kanak ini dapat mendekatkan lagi





hubungan mereka dengan ibu bapa, di sini akan terjalin satu interaksi antara anak-anak dengan ibu bapa mereka itu dan kanak-kanak dapat mengembangkan lagi tahap emosinya dengan hubungan kekeluargaan seperti ini, mahupun dengan orang sekelilingnya.

Berdasarkan model Maccoby dan John Martin (1983), terdapat empat cara hidup ibu bapa iaitu autoritarian, permisif, autoritatif dan juga pengabaian. Menurut Maccoby dan John Martin, beliau melihat dalam sesebuah keluarga ini, seseorang bapa mestilah menjadi ketua keluarga yang perlu dicontohi oleh anak-anak merka seperti dalam mendidik anak-anak ini ibubapa mestilah memberikan ajaran ataupun didikan agama terlebih dahulu supaya dalam diri anak-anak mereka terjalin satu nilai agama. Dengan adanya nilai agama ini maka nilai kemanusian akan terbentuk dalam diri anak-anak mereka itu. Hal ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Masliza Ngadiman (2011), di mana beliau menegaskan gaya keibubapaan dalam sesebuah keluarga ini mempengaruhi kecerdasan emosi seseorang kanak-kanak samada melalui pemikiran dan tingkah laku sehari-hari kanak-kanak itu sendiri, Hal ini biasanya apabila kanak-kanak itu sendiri memberontak apabila sesuatu yang diinginkan tidak dipenuhi oleh ibu bapa mereka, jadi hubungan kanak-kanak dengan ibu bapanya itu mula akan menjadi renggang ataupun berjauhan, ini akan membuatkan emosi kanak-kanak itu tidak dapat mengawal emosi yang dialami dalam diri kanak-kanak itu dan ini akan menyebabkan tahap emosi kanak-kanak itu akan menjadi tidak stabil pada kedudukan tahap emosi yang sebenar. Malah kajian Azizi dan Jaafar (2006), juga menyokong bahawa untuk mendapatkan emosi yang baik, hubungan kekeluargaan dan orang sekeliling mestilah dijaga keakrabannya setiap masa.





Gaya keibubapaan autoritarian digambarkan oleh sikap ibu bapa yang tinggi permintaan tetapi rendah kebertanggungjawaban. Contohnya dalam keluarga, ibu bapa mengenakan hukuman kepada anak-anak dan mereka tidak memikirkan kesannya terhadap anak-anak. Di sini dapat dilihat ibu bapa yang mengamalkan sikap tanggungjawab yang rendah terhadap anak-anak mereka. Namun begitu, situasi diatas berbeza kerana gaya ibu bapa autoritatif, di mana ibu bapa adalah tinggi permintaan dan tinggi kebertanggungjawaban. Contohnya, ibu bapa memberi hukuman dan tegas jikalau anak-anak mereka tidak mendengar apa yang diberitahu oleh ibu bapa akan tetapi ibu bapa juga turut memberi peluang kepada anak-anak mereka, iaitu mendengar pandangan dan penjelasan anak-anak mereka dan boleh dibincangkan dalam konteks proses membantu serta mendidik anak-anak.



Manakala dalam gaya asuhan permisif pula, ibu bapa dikategorikan sebagai sikap kebertanggungjawaban yang tinggi tetapi permintaan yang rendah. Contohnya, ibu bapa bersikap tegas dalam apa jua keadaan seperti mengenakan hukuman yang tegas terhadap anak-anak mereka, tetapi dalam keadaan berlembut dan sanggup memberikan apa sahaja apabila anak-anak meminta sesuatu perkara atau benda. Seterusnya gaya keibubapaan pengabaian pula ialah kanak-kanak merasakan diri tidak dihargai dan dibiarkan menyusuri hidup sendirian. Biasanya ini terjadi apabila ibu bapa dalam sesebuah keluarga itu yang sibuk dengan dunia kerjanya tesendiri, berbanding dengan anak-anak mereka. Hal ini akan menyebabkan kanak-kanak akan terbiar dan berfikir dirinya mula terasa sunyi. Selain itu, kanak-kanak akan mula dengan kehidupannya untuk memberontak dan bersikap agresif terhadap ibu bapa mereka.





Kesimpulannya, kecerdasan emosi dilihat sebagai salah satu elemen yang penting dalam kehidupan individu dan juga kepada kanak-kanak. Berdasarkan model gaya keibubapaan Maccoby dan John Martin (1983) empat gaya keibubapaan yang dinyatakan beliau itu seperti gaya autoritatif, gaya autoritarian, gaya permisif dan juga gaya pengabaian sangat penting dalam mencorakkan kehidupan kanak-kanak sejak dari kecil lagi.

1.2 Pernyataan Masalah

Mengikut Al-Quran dan Al-Sunnah kanak-kanak merupakan aset yang penting dalam sesebuah keluarga mahupun kepada negara kerana sejarah telah membuktikan bahawa kanak-kanak pada hari ini adalah bakal menjadi pemimpin pada masa akan datang. Menurut Goleman (1999) beliau menegaskan bahawa keluarga dan sekolah adalah antara faktor yang mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak. Hal ini kerana gaya keibubapaan sebenarnya penting dalam mendidik dan mencorak kehidupan kanak-kanak kerana dengan terbinanya amalan seperti ini, emosi kanak-kanak mula akan berkembang mengikut tahap pemikiran dan minda kanak-kanak tersebut. Tahap kecerdasan emosi seseorang kanak-kanak ini dapat ditentukan oleh faktor dan ciri-ciri gaya keibubapaan kanak-kanak itu sendiri (Nuraini Nawwar, 2009).





Tambahan lagi, menurut keratan akhbar Utusan Malaysia (2015) yang bertajuk ‘*membentuk personaliti cekal emosi*’ di mana seseorang individu yang mempunyai kecekalan emosi yang tinggi akan menunjukkan beberapa ciri personaliti yang unggul seperti individu tersebut mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi dalam mencapai sesuatu perkara yang diinginkan dan mempunyai harga diri yang tinggi terhadap tahap emosinya, malah individu seperti ini dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran yang dialaminya. Selain itu, bagi individu yang mempunyai kecekalan emosi juga mempunyai tahap kesedaran emosi yang tinggi dan mereka ini juga mengalami tahap ketabahan yang tinggi meskipun terdapat apa jua halangan dan perkara yang berlaku.

Menurut keratan akhbar Utusan Malaysia (2010), dilihat ibu bapa anak-anak itu sendiri tidak memberi sokongan atau tidak tahu untuk membuat sesuatu apabila anak-anak mereka itu mempunyai masalah ataupun perasaan terhadap emosi mereka. Dalam konteks ini, ibu bapa tidak memainkan peranan iaitu untuk menjadi pembakar semangat atau tempat untuk pertanyaan ataupun kaunselor bagi membantu anak-anak mereka. Oleh itu anak-anak mula berkongsi masalah mereka dengan guru-guru di sekolah atau rakan-rakan sekelas. Ini akan menyebabkan emosi seseorang kanak-kanak bercelaru dan tidak berada pada tahap emosi mereka yang sebenar.

Kajian oleh Amirabadi (2011), menunjukkan bahawa faktor pendidikan ibu bapa memberi kesan terhadap perkembangan sosioemosi dan tingkah laku kanak-kanak. Menurut beliau lagi, beliau mendapati gaya keibubapaan yang rendah pendidikannya akan memberi kesan kepada tahap emosi seseorang kanak-kanak dan tingkah lakunya





juga akan bertukar menjadi kepada hiperaktif, namun sebaliknya ibu bapa yang berpendidikan tinggi akan menunjukkan tahap hiperaktif yang kurang terhadap emosinya.

Tambahan lagi, kajian oleh Thompson dan Henderson (2007) beliau mendapati kanak-kanak yang mempunyai gaya autoritatif, di mana kanak-kanak ini mempunyai hubungan yang positif terhadap ibu bapa mereka. Menurut beliau lagi, kanak-kanak dalam kajian ini belajar memahami emosi mereka daripada ucapan dan pertuturan ibu bapa mereka dan disitu lah kanak-kanak ini akan meningkatkan kecerdasan emosi mereka melalui pertautan emosi dan hubungan ibu bapa mereka.

Menurut Studer dan Diambra (2010) corak pembentukan ibu bapa memberi kesan

yang kuat terhadap perkembangan emosi seseorang kanak-kanak. Hal ini kerana, hubungan ibu bapa sering dikaitkan dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak seperti tingkah laku dan emosi kanak-kanak. Ini kerana, apa yang kita lihat hari ini, iaitu didikan ibu bapa kanak-kanak tidaklah bercorak seperti seorang anak dengan ayahnya, kerana kebanyakan ibu bapa ini sanggup menyerahkan kepada guru di sekolah atau pun kepada pengasuh di rumah untuk menjaga. Di sini akan menyebabkan anak-anak terbiar dari pandangan dan jagaan ibu bapanya. Ini menunjukkan ibu bapa anak-anak ini mengamalkan jenis gaya keibubapaan pengabaian terhadap anak-anak mereka.

Jadi berdasarkan pernyataan masalah di atas, memang wajar dan benarlah bahawa kajian ini memang harus dilakukan untuk mengenalpasti tahap kecerdasan emosi kanak-kanak di tadika di kawasan kajian. Kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu guru-





guru tadika di Damansara Selangor dalam memahami dan membimbing kanak-kanak ke arah yang lebih sempurna dan sekaligus menuju kebaikan sebagai tahap perkembangan emosi yang lebih kukuh.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk ;

1. Mengenal pasti tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika.
 - a. Tahap tahu mengenal pasti emosi
 - b. Tahap tahu memahami emosi
 - c. Tahap tahu mengawal emosi
 - d. Tahap tahu menggunakan emosi
2. Mengenal pasti gaya keibubapaan kanak-kanak tadika.
 - a. Gaya autoratif
 - b. Gaya autoritarian
 - c. Gaya permisif
 - d. Gaya pengabaian
3. Mengenal pasti hubungan di antara gaya keibubapaan dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika.
 - a. Hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan kecerdasan emosi kanak-kanak tadika.





- b. Hubungan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan kecerdasan emosi kanak-kanak tadika.
- c. Hubungan antara gaya keibubapaan permisif dengan kecerdasan emosi kanak-kanak tadika.
- d. Hubungan antara gaya keibubapaan pengabaian dengan kecerdasan emosi kanak-kanak tadika.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif- objektif kajian di atas, tiga soalan kajian telah dibentuk sebagai



1. Apakah tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika?
 - a. Apakah tahap tahu mengenal pasti emosi kanak- kanak tadika ?
 - b. Apakah tahap tahu memahami emosi kanak-kanak tadika ?
 - c. Apakah tahap tahu mengawal emosi kanak-kanak tadika ?
 - d. Apakah tahap tahu menggunakan emosi kanak-kanak tadika ?
2. Apakah gaya keibubapaan kanak-kanak tadika ?
 - a. Apakah gaya keibubapaan autoritatif kanak-kanak tadika ?
 - b. Apakah gaya keibubapaan authoritarian kanak-kanak tadika ?
 - c. Apakah gaya keibubaapaan permisif kanak-kanak tadika ?

